

08/12/1998

Kegunaan keluli perlu dipelbagai: PM

Zulkofli Jamaludin; Wan Sabariah Shikh Ali
KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu industri pembinaan dan fabrikasi menggunakan lebih banyak keluli untuk meningkatkan permintaan serta mengurangkan kos pengeluaran bahan mentah itu.

Perdana Menteri berkata, keluli tidak harus selamanya tersorok dalam konkrit, tetapi boleh dipasang dalam bentuk menarik pada bangunan dan struktur lain.

"Rangka bangunan boleh menggunakan keluli dengan ketepatan saintifik. Walaupun kosnya lebih tinggi, ia boleh mempercepatkan pembinaan dan pendapatan hasil.

"Dengan meningkatkan penggunaan keluli, industri ini akan berkembang dan kosnya dapat dikurangkan," katanya merasmikan Konvensyen dan Pameran Persatuan Keluli Struktur Malaysia (MSSA) 1998, di sini hari ini.

Teks ucapan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama dibaca oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz. Turut hadir Presiden MSSA, Tan Sri Omar Ibrahim.

Menurut Perdana Menteri, di United Kingdom 60 peratus daripada bangunan adalah berasaskan struktur keluli, manakala di Amerika Syarikat sudah berdekad, kaedah pembinaan tradisional membabitkan struktur keluli.

Berikutan itu, Dr Mahathir berkata pandangan bahawa sebahagian besar kerja perlu dibuat di tapak pembinaan bangunan sudah ketinggalan zaman.

"Sebaliknya, kita perlu mengeluarkan lebih banyak komponen bangunan di kilang menggunakan automasi dan peralatan jitu. Komponen itu kemudiannya dibawa ke tapak pembinaan untuk dipasang.

"Bahagian bangunan yang dikeluarkan di kilang lebih bermutu berbanding yang dihasilkan oleh pekerja tidak terlatih di tapak pembinaan.

"Kita menanggung kerugian besar kerana pembaziran yang tinggi, produktiviti rendah, penggunaan buruh ramai, tempoh penyerahan panjang, hasil kerja tidak memuaskan dan kerap kali barangan bermutu rendah," katanya.

Beliau berkata, Malaysia tidak mampu mempunyai pekerja asing kerana 13 peratus atau 1.14 juta daripada tenaga kerja kini adalah daripada pendatang asing yang sah.

"Jika sejumlah 800,000 pendatang tanpa izin (termasuk 400,000 tanggungan mereka) diambil kira, maka ada kira-kira 2.3 juta pekerja asing di negara ini.

"Walaupun mereka menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi kita, kos sosial dan kewangan adalah terlalu tinggi," katanya.

Berikutan itu, Dr Mahathir berkata industri keluli perlu dibangunkan dengan lebih maju untuk meningkatkan penggunaannya dalam industri pembinaan dan mengurangkan penggunaan tenaga kerja kurang mahir.

"Teknologi ini perlu berasaskan teknik baru yang memerlukan pekerja yang minimum tetapi terlatih. Tenaga terlatih ini boleh dilatih menggunakan tenaga tempatan dan mereka dibayar gaji yang menarik," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia mempunyai pembuat fabrikasi keluli berkelayakan dan berpengalaman yang boleh menghasilkan kren, modul dan bahagian bangunan.

"Ada keperluan untuk mereka membesar dan memajukan keupayaan mereka. Mereka perlu mendalami industri pembinaan untuk mengenal pasti barangan yang dikeluarkan dan melihat barangan yang dihasilkan di luar negara yang mendapat permintaan tinggi," katanya.

Perdana Menteri berkata, barangan tempatan boleh bersaing di pasaran

dunia berikutan kos pengeluaran di negara ini adalah rendah dan barangan yang dihasilkan berkualiti tinggi.

"Jika Malaysia ingin memasuki pasaran eksport, industri pembinaan kita perlu berupaya bersaing dalam menggunakan keluli untuk fabrikasi dan pembinaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, berikutan kegawatan ekonomi industri pembinaan tahun ini mencatatkan pertumbuhan negatif 19.2 peratus, berbanding pertumbuhan di antara 10 dan 12 peratus setahun sebelum ini.

Menurutnya, industri pembinaan terhenti secara menyeluruh berikutan pelaksanaan dasar seumpama dasar Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang diguna pakai pihak berkuasa kewangan sebelum ini dalam kerajaan.

Bagaimanapun, beliau berkata kerajaan kini memacu semula sektor pembinaan dan berupaya melihat sumbangannya kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun depan.

(END)